

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membantu golongan sasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan yang mendalam dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat kita.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan pasukan Talian Kasih yang bertugas 24 jam 7 hari seminggu menerima panggilan, semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Rakan Agensi yang membantu pengagihan Bakul Makanan iaitu Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan RELA yang bertungkus lumus memastikan 846,374 Ketua Isi Rumah menerima bakul makanan yang diedarkan tidak kira cuaca ataupun jarak.

Pelbagai inisiatif telahpun dilaksanakan oleh Kementerian dalam menangani isu dan cabaran dalam mendepani wabak COVID-19. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Agihan **Bantuan Sosial Bakul Makanan** yang bernilai RM100.00 kepada 1,000 buah keluarga yang layak bagi 222 kawasan Parlimen dengan jumlah keseluruhan RM22.2 juta untuk 222,000 bakul makanan yang selesai diagihkan pada 6 Mei 2020;
2. Agihan **Bantuan Bakul Makanan di bawah Tabung NADMA COVID-19** berjumlah RM25,229,105.44. Sebanyak 222,549 bakul makanan (sehingga 20 Julai 2020) telah diagihkan dengan penglibatan seramai 4,293 orang petugas JKM dan kerjasama daripada pelbagai agensi Kerajaan;
3. **Kerjasama JKM dengan 2,820 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**, syarikat korporat dan individu yang telah memanfaatkan seramai 401,825 orang penerima sumbangan;
4. **Bantuan Kebajikan Bulanan JKM diawalkan** 15 hari di mana elaun yang sepatutnya diterima pada 10 April telah disalurkan

pada 25 Mac 2020. Manakala, bantuan bagi bulan Mei turut diawalkan dan telah disalurkan pada 25 April 2020 dengan melibatkan kos sebanyak RM150 juta kepada 490,586 penerima bantuan di seluruh Negara;

5. **Talian Khas Kaunseling COVID-19** telah diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP dengan penglibatan seramai 528 orang kaunselor seluruh negara. Dalam tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 19 Julai 2020, talian ini telah menerima sebanyak 2,270 panggilan.
6. **Talian Kasih 15999 dan Talian Kasih Whatsapp 019-26 15999** yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Sehingga 19 Julai, sebanyak 110,012 panggilan telah diterima mengambil kira keperluan bagi golongan wanita, kanak-kanak, OKU serta warga emas. Dalam tempoh tersebut sebanyak 360 kes mengenai keganasan rumah tangga telah dipanjangkan kepada JKM untuk siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 200 kes telah diselesaikan;
7. **Peranan seramai 4,188 petugas JKM** dalam 326 Pusat Kuarantin di seluruh negara dengan menyediakan keperluan asas dan bekalan makanan sebanyak tiga kali sehari untuk 102,209 *People Under Surveillance* (PUS);
8. **Kerjasama dengan Humanitarian Country Team** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menyelaraskan penyaluran bantuan daripada segi kewangan, barangan keperluan, perkhidmatan atau kepakaran yang diperlukan; dan
9. **Inisiatif PENJANA** - Program Subsidi TASKA dan Program Bantuan Tunai secara untuk Kumpulan Rentan khusus untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

Akhir kata, sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, KPWKM sentiasa proaktif dan prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya apabila melibatkan kumpulan sasar KPWKM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN]

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Kementerian akan membenteng Rang Undang-Undang berkaitan Gangguan Seksual bagi melindungi hak mangsa yang terlibat, dan apakah perkembangan tindakan bagi memastikan kes mangsa dicabuli kehormatan atau gangguan seksual ditangani secara berkesan sebelum RUU ini dibentangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf RUU GS telah disediakan oleh Kementerian dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan pasukan projek khas yang terdiri daripada pihak berkepentingan meliputi pelbagai Kementerian dan Agensi, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan individu-individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkenaan isu-isu gangguan seksual serta perundangan. Penglibatan dan konsultasi dengan pelbagai pihak ini telah banyak membantu dalam mempercepatkan lagi proses penyediaan draf RUU GS.

Sebelum RUU ini diluluskan dan dapat dikuatkuasakan, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui pelbagai Akta dan peraturan lain seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Kerja 1995 [Akta 265], Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993], Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Merujuk kepada kes-kes khusus dalam sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kini sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi/Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

JPA turut mengadakan beberapa siri taklimat secara berterusan bagi mewujudkan kesedaran dan memberi kefahaman kepada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dari semasa ke semasa mengenai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018: Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja yang telah dikeluarkan pada 12 Disember 2018. Antaranya Taklimat kepada Unit Integriti/ Pengurusan Sumber Manusia/ Unit Pengurusan Psikologi di Peringkat Kementerian/ Jabatan, Taklimat kepada Pegawai Awam di Peringkat Negeri dan

SOALAN NO. : 12

Taklimat kepada Pegawai Awam di Peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan.

Bagi kes dalam sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menguatkuasakan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dengan mensyaratkan majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan oleh pekerja tanpa mengira upah pekerja berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa JKM gagal menyerahkan bekalan makanan di bawah 'Garis Panduan Pengurusan Bantuan Khas Kepada Keluarga B40 Yang Terkesan Di Bawah PKP' kepada semua Ahli Parlimen untuk diagihkan kepada para penerima. Garis panduan ini dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui surat KK/BPB(26.00)202/2/2-3JD.6(3).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara baru-baru ini.

Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Bilangan 8 Tahun 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 26 Mac 2020 memutuskan JKM bertanggungjawab memberi bantuan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia yang hilang pendapatan dan memerlukan bantuan dalam tempoh pelaksanaan PKP.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan sumbangan makanan termasuk sumbangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu sepanjang PKP dengan kerjasama pemimpin tempatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Semua pihak, termasuk pemimpin masyarakat boleh mengemukakan aduan dan rujukan sekiranya dikenal pasti ada pihak memerlukan bantuan kepada JKM yang berhampiran untuk disampaikan bantuan tersebut.

Sebanyak RM47.42 juta telah diperuntukan bagi menampung program bantuan bekalan makanan semasa PKP iaitu Bantuan Bakul Makanan Fasa I - RM5.68 juta, Fasa II - RM9.06 juta, Fasa III - RM10.48 juta melalui peruntukan Tabung COVID-19. Manakala RM22.2 juta peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi menampung Bakul Makanan B40 Kawasan Parlimen. Tempoh masa bagi program bakul makanan mengikut Fasa adalah seperti berikut:

BIL.	PERINGKAT AGIHAN	TEMPOH MASA
1.	Bantuan Bakul Makanan (Tabung COVID-19) Fasa I	26 Mac – 4 Mei 2020
2.	Bantuan Bakul Makanan B40 Kawasan Parlimen	26 Mac – 4 Mei 2020
3.	Bantuan Bakul Makanan (Tabung COVID-19) Fasa II	5 Mei – 31 Mei 2020
4.	Bantuan Bakul Makanan (Tabung COVID-19) Fasa III	Bermula 1 Jun 2020

Bagi membendung krisis panik keperluan makanan semasa PKP, KPWKM telah mengambil inisiatif membuat permohonan tambahan bagi menampung keperluan bakul makanan agar lebih ramai dapat menerima manfaat bantuan ini. Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan peruntukan bantuan khas bakul makanan kepada kumpulan B40 dengan peruntukkan sebanyak RM22.2 juta.

Bakul makanan ini adalah bagi setiap Ketua Isi Rumah di kawasan sesuatu Parlimen dan bukan khas kepada YB Ahli Parlimen. Jumlah bantuan bakul makanan yang diperuntukkan bagi setiap Kawasan Parlimen adalah sebanyak 1,000 bakul makanan dengan kadar RM100.00.

Selain daripada peruntukan 1,000 bakul tersebut, terdapat juga sumbangan-sumbangan keperluan asas dan bekalan makanan daripada NGO/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu juga menyumbang dalam pemberian bakul makanan semasa PKP. Oleh yang demikian terdapat pelbagai bentuk dan nilai bakul makanan yang diagihkan kepada penduduk yang layak semasa PKP.

SOALAN NO. 43

Keseluruhan penerima bantuan Bakul Makanan di seluruh negara adalah seramai 846,374 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3.0 juta Ahli Isi Rumah (AIR).

Kaedah perolehan bagi bantuan bekalan makanan ini adalah menggunakan Perolehan Darurat (AP173.2) iaitu merupakan proses perbelanjaan dalam keadaan darurat tanpa perlu melalui prosedur perolehan biasa. Pemilihan dan kelulusan pelantikan pembekal dibuat melalui Jawatankuasa Khas yang dibentuk oleh Kementerian dengan mengambil kira kemampuan untuk membekalkan barangan dalam skala besar serta menawarkan harga yang berpatutan dan berdasarkan lokaliti sesuatu kawasan.

Senarai item di dalam bakul makanan adalah terdiri daripada barangan keperluan asas yang diantaranya ialah beras, minyak masak, gula, tepung gandum dan lain lain. Senarai item juga berdasarkan keperluan setempat dengan kadar yang telah ditetapkan iaitu RM100.00.

Kementerian mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan (JKM), Rakan Agensi yang membantu pengagihan Bakul Makanan iaitu APM dan RELA yang bertungkus lumus memastikan 846,374 Ketua Isi Rumah menerima bakul makanan yang diedarkan.

Tidak ketinggalan juga, barisan para penyumbang yang terdiri daripada NGO/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu serta pemimpin masyarakat yang banyak membantu kementerian mengenal pasti mereka yang layak menerima bakul makanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- a) bilakah kerajaan akan meminda Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah untuk melindungi mangsa hendap (*stalking*), **dan menggubal Rang Undang-undang Akta Gangguan Seksual (*Sexual Harassment Act*)**; dan
- b) penggubalan undang-undang yang khusus untuk menangani jenayah siber seperti buli siber, gangguan seksual dan "*hate speech*" di alam maya/ media sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Kerja bagi Mengkaji Dasar Berhubung Keperluan Mewujudkan Undang-Undang Mengenai *Anti-Stalking* yang dipengerusikan oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (PUU, JPM) dan diurus setia oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah ditubuhkan pada 2 Julai 2019. Jawatankuasa ini berperanan untuk mengkaji serta mencadangkan hala tuju dasar bagi pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah supaya wujud satu peruntukan undang-undang berkenaan "*stalking*" (menghendap) sebagai suatu kesalahan jenayah di Malaysia.

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), ahli-ahli akademik dan *Women Aid's Organization* (WAO) yang mula-mula mengemukakan kertas cadangan mereka, bagi meneliti cadangan pindaan agar tidak bercanggah dengan hak asasi manusia seperti kebebasan untuk bergerak seperti yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan, dan mengelakkan kemungkinan perundangan ini disalah guna.

Beberapa sesi bengkel telah diadakan yang telah menghasilkan "*working draft*" untuk pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Berdasarkan perancangan semasa, BHEUU menyasarkan Memorandum Jemaah Menteri bagi Menggubal Peruntukan Undang-Undang Untuk Menguntungkan Kesalahan "*Harassment*" dan "*Stalking*" Sebagai Suatu Kesalahan Jenayah di Malaysia diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri setelah draf tersebut dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung Rang Undang-Undang Gangguan Seksual (RUU GS) pula, draf awal RUU mengenainya telah dikemukakan ke Jabatan Peguam

Negara pada 23 Januari 2020 untuk pemakluman pihak mereka. Sebagai tindakan susulan, KPWKM pada 7 Februari 2020 telah mengadakan satu mesyuarat yang melibatkan Jabatan Peguam Negara, BHEUU, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan ahli-ahli pasukan khas yang membantu menggubal RUU ini. Melalui mesyuarat tersebut, pihak Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan pada draf RUU GS dan pada masa kini ia sedang di fasa akhir penyediaan dan pengemaskinian oleh KPWKM.

Berdasarkan perancangan asal, draf RUU GS dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen sekitar bulan Mac 2020. Kelulusan dasar melalui Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 5 Februari 2020 telah pun diperolehi bagi RUU ini digubal. Namun demikian, mengambil kira perubahan struktur Kerajaan terkini, cadangan penggubalan RUU ini perlu dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan Kerajaan semasa. Kementerian merancang untuk membentangkan bacaan pertama RUU GS dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas 2020 yang dijangka pada hujung tahun ini.

Kementerian berpandangan bahawa kemungkinan terdapatnya keperluan untuk pindaan susulan (*consequential amendment*) dilakukan ke atas Akta-Akta lain bagi memastikan maksud dan objektif yang selari dengan peruntukan-peruntukan di bawah RUU GS apabila ia diluluskan kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu jenayah siber, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) berkolaborasi dengan Universiti Multimedia (MMU) untuk menjalankan penyelidikan berkaitan undang-undang antibuli siber. KKMM juga bersetuju untuk bekerjasama dengan MMU untuk melaksanakan kempen literasi tentang kesedaran mengenai hak pengguna media digital di Malaysia.